



TIPS BAGAIMANA MENGENDALI DAN MENJAGA MEDIA USB FLASHDISK, THUMBDRIVE ATAU PENDRIVE

1

[Ikuti prosedur yang benar setiap kali anda mencabut USB Pen Drive daripada port USB]

Biasakan melakukan proses eject atau berhenti sebelum mengambil daripada USB Pen Drive dari Port USB pada komputer anda. Ini dapat mengelakkan USB Pen Drive daripada berlakunya kerosakan dan dapat menyelamatkan data yang terdapat di dalam pena USB drive.


[Elakkan Daripada Kesan Impak Yang Kuat]

Membiarkan pendrive anda terjatuh daripada tempat yang tinggi, atau tertindih dengan barangan yang berat atau seumpamanya boleh merosakkan pendrive anda. Pastikan anda meletakkannya di tempat yang selamat.

3

[Elakkan Menyunting Data Secara Langsung Daripada Pendrive]

USB drive memiliki jangka hayat, jangka hayat pendrive, biasanya berada sekitar 10,000-100,000 baca/tulis (read/write). Kita boleh memanjangkan jangka hayat pendrive tersebut dengan TIDAK menyunting data (membaca dan menulis) SECARA LANSUNG daripada pendrive tersebut. Sunting data pada cakera keras terlebih dahulu sebelum memindahkannya kepada pendrive usb anda.



[Hindari dari Medan Magnet]

Setiap produk elektronik yang boleh menghasilkan medan magnet seperti televisyen dan telefon bimbit adalah tidak baik bagi pendrive. Jadi, jangan biarkan pendrive anda diletakkan berhampiran dengan peralatan elektronik sedemikian.

[Elakkan Daripada Suhu Yang Terlalu Tinggi]

Suhu yang terlalu tinggi juga akan memberikan kesan negatif kepada pendrive. Jauhkan pendrive anda daripada suhu yang teramat tinggi. Sentiasa cucuk pen drive pada port USB yang berada di hadapan casing CPU. Ini disebabkan post belakang casing pada CPU adalah panas disebabkan udara keluar daripada kipas CPU, ini menjadikan kawasan belakang CPU selalunya panas. Jika pen drive terlalu lama di belakang CPU, kemungkinan membawa kepada kerosakan data.



6

[Jangan Defrag Pendrive Anda]

Tidak seperti cakera keras (hard disk) yang biasa berputar secara (moving spindles), Pendrive tidak memiliki zon lambat dan zon pantas. Data yang disimpan akan dibaca pada kelajuan yang sama daripada ruang cakera itu. Oleh itu ianya TIDAK PERLU didefragment kerana ianya tidak mempunyai head dan cylinder. Mendefrag pendrive anda akan mewujudkan satu lagi write cycle padanya dan ini sudah tentu mengurangkan jangkahayat pendrive tersebut.